

Pengembangan Isi Karangan Ekspositori Melalui Sistem Komputing 1:1

Siti Aisah Maduri

siti_aisah_maduri@schools.gov.sg

Nur Atikah Abdul Hakim

nur_atikah_abdul_hakim@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Bukit View

Abstrak

Para pelajar lazimnya menghadapi masalah untuk mengupas isi yang dihasilkan dalam karangan ekspositori. Khususnya, pelajar kurang berjaya menghuraikan isi dan menyertakan contoh dalam penulisan disebabkan keterbatasan kosa kata dan pengetahuan am. Berdasarkan perbincangan yang dilakukan dengan para pelajar, mereka akur bahawa mereka kurang cenderung untuk menulis disebabkan oleh dua faktor utama. Penguasaan kosa kata yang lemah dan kurang yakin dengan struktur penulisan yang sesuai terutama sekali untuk penulisan karangan ekspositori. Untuk mengatasi masalah ini, satu kajian telah dijalankan untuk membantu para pelajar mencerna isi karangan lewat Sistem Komputing 1:1. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan perbincangan melalui wadah *Google Docs* bagi mencatat dapatan pelajar. Seramai 19 orang pelajar Menengah 2 Normal Akademik terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dan pelajar dapat memanfaatkan teknologi maklumat untuk menyelesaikan beberapa isu yang mereka hadapi dalam pembelajaran secara sendiri dan kolaboratif.

Kata Kunci: sistem komputing, penulisan ekspositori, tiang ekspositori

PENGENALAN

Falsafah Kurikulum Singapura mendukung kepercayaan bahawa setiap pelajar mahu dan boleh belajar. Lantas, adalah tanggungjawab golongan pendidik untuk meletakkan pelajar sebagai tumpuan atau pusat dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Untuk mencapai matlamat ini, PdP yang berlaku di dalam kelas perlulah diselaraskan dengan profil pelajar. Golongan pelajar bagi subjek ini secara umumnya mudah terangsang dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran mereka. Cabarannya ialah untuk memastikan wadah yang digunakan dapat disesuaikan dengan tuntutan pembelajaran dan pada masa yang sama mengekalkan keseronokan dalam kelas. Kajian ini bertujuan membantu para pelajar mencerna isi karangan ekspositori secara berstruktur dan terarah melalui penggunaan ‘Tiang Ekspositori’ atau *Expository Pillar*. Pemilihan ini dilakukan disebabkan penulisan para pelajar yang seringkali tidak mempunyai rangka dan ketandusan kosa kata lantas menyukarkan pengolahan bahagian isi penulisan karangan ekspositori.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam tinjauan awal yang dilakukan, para pelajar secara purata menghadapi kesukaran menulis karangan ekspositori kerana ketandusan idea dan kosa kata yang sesuai bersangkutan topik yang dibincangkan. Hal ini berlaku kerana selain kekurangan pengalaman dalam topik-topik karangan ekspositori yang dibincangkan, para pelajar juga jarang didedahkan pada bahan bacaan bermutu berkenaan topik yang ingin dibicarakan. Kalaupun ada, rata-rata mereka didedahkan kepada bahan bacaan dalam bahasa Inggeris. Disebabkan itu, mereka acap kali gagal menjana dan mengembangkan isi sewaktu menulis karangan berbentuk ekspositori.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meneliti:

1. keberkesanan wadah *Google Classroom* dan *Google Docs* lewat Sistem Komputing 1:1 dalam menggalakkan pembelajaran sendiri; dan
2. keberkesanan wadah *Google Classroom* dan *Google Docs* lewat Sistem Komputing 1:1 dalam menggalakkan pembelajaran kolaboratif.



KAJIAN LEPAS

Terdapat kepercayaan yang meluas bahawa sistem komputing 1:1, yakni penyediaan komputer riba bagi setiap kakitangan, guru dan pelajar untuk penggunaan dalam kelas dan di rumah, mempunyai potensi besar untuk meningkatkan PdP (Livingston, 2009; Warschauer, 2006). Atas dasar kepercayaan ini jugalah, sekolah pengkaji telah mengambil inisiatif untuk melibatkan para pelajarnya ikut serta dalam program komputing 1:1. Sejak tahun 2017, semua pelajar Menengah 1 diwajibkan untuk mendapatkan sebuah komputer riba dengan harapan dapat memudahkan pembelajaran yang diperkayakan dengan penggunaan ICT.

PdP berteraskan sistem komputing 1:1 menggalakkan pembelajaran kolaboratif apabila para pelajar melakukan perkongsian hasil kerja yang baik. Hasil kerja rakan yang baik merupakan contohan bagi para pelajar yang lain meningkatkan mutu hasil kerja mereka. Diharapkan juga para pelajar akan lebih terbuka untuk memberi dan menerima maklum balas daripada satu sama lain.

Menurut Hedge (2005), penulisan yang baik bukan sahaja harus disemak tetapi harus juga dirancang dengan baik dengan mengumpulkan maklumat dan merancang selain mengupas soalan. Hedge juga menambah bahawa tahap pertama dalam penulisan ialah semangat dan minat untuk menulis. Teori ini disokong oleh White dan Arndt (1991) yang turut sama menekankan bahagian perancangan selain menuliskan beberapa draf sebelum menghasilkan karangan terakhir.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bersifat eksperimental dan menggabungkan kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif. Data kuantitatif diperolehi daripada praujian sementara data kualitatif diperolehi daripada penelitian guru dalam respons yang diberikan sama ada secara lisan mahupun bertulis. Kajian ini turut dilakukan secara berterusan selama setahun dan melibatkan para pelajar 2NA. Bermula dengan praujian pada awal tahun, kajian ini kemudiannya berkembang dalam bentuk pengajaran susulan selama 2-3 kitaran. Meski demikian, teknik yang sama turut diguna pakai dalam mengajarkan komponen-komponen lain yang memerlukan kemahiran yang serupa. Kajian ini menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP). Beberapa aspek pengajaran dan aktiviti mengajar bagi pelaksanaan dan penilaian dan maklum balas telah diambil kira. Rujuk Jadual 1.



Penerangan dan Justifikasi	Sebagaimana halnya dengan penggunaan ICT dalam pembelajaran, bertindak sebagai pemudah cara dalam bilik darjah. Hal ini dilakukan dengan menerapkan perbincangan papan putih, mencari informasi dan mengepam. Aktiviti-aktiviti di atas memastikan pelajar dalam membina kefahaman mendalam terhadap pelajaran yang berlaku. Ketiga-tiga aktiviti mengajar dipilih berdasarkan keupayaan guru mengaplikasikannya secara berkesan dalam <i>google classroom</i> .
-----------------------------------	--

Subjek Kajian

Subjek kajian yang terlibat merupakan pelajar-pelajar Menengah 2 Normal Akademik (2NA) yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu. Jumlah keseluruhan subjek kajian yang terlibat ialah 19 orang pelajar daripada pelbagai aras kebolehan. Sejumlah besar, walau bagaimanapun, beraras sederhana dan lemah. Satu ujian Kecerdasan Pelbagai telah dijalankan untuk melihat kebolehan dan kemahiran para pelajar Menengah 2NA ini. Ujian ini membuktikan bahawa para pelajar kurang yakin dari sudut linguistik. Model Howard Gardner ini menggambarkan para pelajar tidak gemar membaca, mempunyai kesukaran untuk menghafal tukilan dan tidak gemar melibatkan diri dalam perbincangan.

Instrumen Kajian

Sistem Komputing 1:1 memberi pelajar kebebasan untuk mencari maklumat, membuat kajian dan menilai kajian yang telah dilakukan. Seperti yang diterangkan Dodge (1995), aktiviti mencari informasi ini berpusatkan pelajar dan berasaskan pertanyaan-pertanyaan yang ada dalam minda para pelajar. Buat masa ini semuanya dilakukan secara sendiri dengan matlamat untuk memperkasakan mereka sewaktu pembelajaran. Guru hanya berperanan sebagai pemudah cara. Hal ini disokong oleh Sawyer (2014) yang menekankan bahawa pengolahan pembelajaran yang menyokong pembelajaran secara sendiri (SDL) adalah penting kerana “para pelajar mampu belajar dengan lebih baik apabila mereka diberikan peluang untuk menggunakan ilmu yang baru dipelajari untuk menghasilkan sesuatu sama ada dalam bentuk penulisan, penyampaian secara lisan, penggunaan artifak ataupun lain-lain bentuk, dan kemudiannya diberikan peluang untuk menilai dan menganalisis tahap pemahaman mereka sendiri melalui hasil kerja mereka”.

Perisian *Google Docs* dan *Google Classroom* membantu pelajar untuk kemudiannya bergabung tenaga dan idea untuk mencatat serta menyusun sumbang saran yang dilakukan secara kolaboratif. Secara tidak langsung, perisian ini membantu pelajar membandingkan dan mengesahkan maklumat



yang didapati dan memberi peluang kepada guru untuk membantu pelajar menganalisis, mensintesis, dan menilai maklumat secara kritis.

Prosedur Kajian

Berdasarkan penelitian praujian yang dilaksanakan pada awal tahun, penulisan para pelajar berstruktur. Pelajar memahami struktur asas penulisan ekspositori.

Namun, penulisan pelajar tidak menepati kehendak soalan kerana gagal mengupas perenggan isi dengan baik. Mereka tidak dapat menerangkan isi-isi kerana tidak memahami perbezaan antara huraian dan contoh. Sebagai contoh, salah seorang pelajar sekadar menuliskan perenggan isinya seperti berikut untuk soalan bertajuk ‘Cara-cara Menjadi Pelajar Cemerlang’:


“Pelajar yang cemerlang di sekolah selalunya matang. Mereka selalu membuat kerja sekolah dan memberi sepenuh perhatian apabila guru sedang mengajar walaupun diajak bersembang oleh rakan sekelas. Itulah cara untuk menjadi pelajar cemerlang.”

Penulisan para pelajar ketandusan struktur untuk mengolah jawapan bersesuaian dengan penulisan karangan ekspositori. Lantas, ‘Tiang Ekspositori’ diperkenalkan untuk memudahkan pelajar melihat struktur penulisan karangan ekspositori dan pada masa yang sama, dapat membezakan antara huraian dan contoh.

Memandangkan para pelajar juga lemah dalam penguasaan kosa kata, kedua-dua unit dalam buku teks; *Musuh Halimunan* dan *Permainan Dahulu dan Sekarang* dibincangkan dan dikupas dalam kelas sebelum mendapatkan pelajar untuk melengkapkan penulisan karangan ekspositori. Para pelajar membuat kajian dalam talian berlandaskan penyusunan grafik yang diberikan sebelum menghasilkan *Google Slide* dan melakukan penyampaian. Aktiviti berkumpulan ini mendorong kedua-dua pembelajaran secara sendiri (SDL) dan pembelajaran kooperatif. Bukan sahaja para pelajar didorong untuk mencari maklumat di laman sesawang, mereka juga terpaksa menilai dapatan mereka agar sesuai dengan topik yang dibincangkan dan penyusunan grafik yang disediakan kerana pelajar tidak digalakkan untuk melonggokkan maklumat yang mereka raih begitu sahaja.



Rajah 1: Tiang Ekspositori yang Disesuaikan



Pengenalan	
(I) Isi	
(H) Huraian (Makna)	(H) Huraian (Kaitkan dengan soalan)
(C) Contoh	(R) Kaitkan Isi dengan soalan
(I) Isi	
(H) Huraian (Makna)	(H) Huraian (Kaitkan dengan soalan)
(C) Contoh	(R) Kaitkan Isi dengan soalan
(I) Isi	
(H) Huraian (Makna)	(H) Huraian (Kaitkan dengan soalan)
(C) Contoh	(R) Kaitkan Isi dengan soalan
(I) Isi	
(H) Huraian (Makna)	(H) Huraian (Kaitkan dengan soalan)
(C) Contoh	(R) Kaitkan Isi dengan soalan
Penutup	

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui perbandingan antara markah praujian dengan markah pascaujian yang dijalankan pada bulan Mei dan Oktober 2018, mutu penulisan para pelajar semakin meningkat. Selain jumlah perkataan yang meningkat kerana para pelajar telah membina jumlah kosa kata yang mampu membantu pelajar dalam penulisan, penulisan para pelajar juga mempunyai pemerenggan yang sesuai. Setiap pelajar mampu menghasilkan sekurang-kurangnya lima perenggan.

Para pelajar mempunyai kesukaran untuk menerapkan format 'Isi-Huraian-Contoh-Rumusan' (IHCR) dalam penulisan kerana pelajar keliru akan maksud huraian. Bagi memudahkan pemahaman pelajar tentang penggunaan IHCR, singkatan IHCR telah diubah kepada singkatan ICK seperti berikut;

Jadual 2: Perbezaan Versi 1 dan Versi 2 Tiang Ekspositori

Pada Awal Kajian (IHCR)		Pada Pertengahan Kajian (ICK)	
I	Isi	I	Isi
H	Huraian	J	Jelaskan dengan memberikan definisi isi.
		J	Jelaskan dengan mengaitkan definisi dengan soalan
C	Contoh	C	Contoh
R	Rumusan	K	Kaitkan isi dengan soalan.

Apabila singkatan ICK diperkenalkan kepada pelajar, pelajar lebih yakin untuk menggunakan Tiang Ekspositori ini kerana yakin akan maklumat yang perlu disertakan dalam penulisan karangan ekspositori. Penerangan pelajar juga lebih tepat apabila mereka terbiasa dengan format Tiang Ekspositori. Penyusun grafik ini membantu pelajar memahami struktur penulisan karangan ekspositori dan pada masa yang sama membantu pelajar merancang karangan jenis ekspositori semasa peperiksaan.



Jadual 3: Tiang Ekspositori yang Diadaptasi

Pengenalan	
(I) Isi	
(J) Jelaskan (Makna)	(J) Jelaskan (Kaitkan makna dengan soalan)
(C) Contoh (untuk menerangkan penJelasan)	(K) kaitkan isi dengan soalan
Isi	
(J) Jelaskan (Makna)	(J) Jelaskan (kaitkan makna dengan soalan)
(C) Contoh (untuk menerangkan penJelasan)	(K) Kaitkan Isi dengan soalan
(I) Isi	
(J) Jelaskan (Makna)	(J) Jelaskan (Makna)
(C) Contoh (untuk menerangkan penJelasan)	(K) Kaitkan Isi dengan soalan
Penutup	

Tambahan pula, untuk mengaitkan pembelajaran dengan pengetahuan sedia ada pelajar, akronim IHCR dan ICK ini dibuat berdasarkan akronim yang dipelajari dalam kelas bahasa Inggeris; PEEL yang bermaksud *'Point-Explanation/Elaboration-Example/Evidence-Link* atau *'Isi-Penerangan/Huraian-Contoh/Bukti-Kaitan*. Ini membantu pelajar untuk mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baharu yang bersangkutan paut. Hal ini memudahkan pembinaan maklumat tambahan baharu yang mudah kekal dalam minda pelajar.

Jadual 4: Perbandingan IHCR dan PEEL

Akronim Bahasa Melayu (IHCR)		Akronim Bahasa Inggeris (PEEL)	
I	Isi	P	Point - Isi
H	Huraian	E	Explanation/Elaboration – Penerangan/ Huraian
C	Contoh	E	Examples/Evidence – Contoh/Bukti
R	Rumusan	L	<i>Link</i> - Kaitan

Para pelajar juga mampu mengetengahkan karangan ekspositori yang lengkap dari sudut struktur, yakni bermula dengan perenggan permulaan sebelum diakhiri dengan penutup. Karangan pelajar juga mempunyai sekurang-

kurangnya tiga perenggan isi yang mengandungi bahagian-bahagian penting; isi, penjelasan (definisi isi dan mengaitkan definisi dengan soalan), contoh yang sesuai dengan isi serta mengaitkan isi dengan topik untuk merumuskan perenggan isi.

Satu kaedah pemberian maklum balas dalam bentuk *Google Form* dijalankan pada akhir kajian untuk menilai keberkesanan kajian yang dijalankan sepanjang semester kedua ini. Berdasarkan tinjauan ini, sebanyak 84.1% pelajar tahu menggunakan Tiang Ekspositori untuk penulisan karangan ekspositori manakala 76.9% pelajar akan menggunakan Tiang Ekspositori untuk merancang karangan ekspositori.

Berdasarkan maklum balas ini juga, 100% pelajar setuju bahawa melalui pembelajaran lewat sistem Komputing 1:1 ini, mereka lebih cenderung menggunakan teknologi maklumat, antaranya dengan penggunaan perisian seperti *Google Classroom*, *Google Docs* dan *Google Slide*. Pelajar turut terdorong untuk belajar daripada tugas-tugas yang dikongsi oleh rakan-rakan mereka. Ini menggalakkan suasana pembelajaran yang tidak terancam dan memudahkan para pelajar untuk menerima maklum balas rakan-rakan mereka kerana mereka lebih selesa menerima kritikan daripada rakan-rakan mereka sama ada dalam talian, dalam bentuk tulisan atau secara lisan.

Para pelajar akur bahawa sistem lewat Komputing 1:1 ini memudahkan penyaringan maklumat untuk mengulang kaji. Para pelajar tidak perlu khuatir akan lembaran kerja yang hilang. Pada masa yang sama, para pelajar dapat membandingkan mutu hasil kerja mereka dengan mudah. Apabila para pelajar mendokumentasikan hasil kerja mereka dengan baik, mereka terdorong untuk melengkapkan tugas kerana tidak perlu membazir masa mencari bahan-bahan pembelajaran.

Lebih ramai pelajar 2NA cuba menulis karangan jenis ekspositori dalam peperiksaan akhir tahun. 75% daripada sembilan belas pelajar menjawab karangan ekspositori berbanding soalan karangan naratif dan deskriptif untuk peperiksaan Kertas 1. Percubaan yang memberangsangkan ini membuktikan kebolehan para pelajar ini untuk menghasilkan jenis penulisan karangan ekspositori yang asing bagi para pelajar Menengah 2NA. Hampir kesemua pelajar lulus kerana memahami kehendak soalan dan mampu mengukuhkan jawapan dengan kosa kata yang sesuai.



KESIMPULAN

Bagi memastikan keberkesanan sistem komputing 1:1 ini, rutin penggunaan *Chromebook* dalam kelas harus diperkukuhkan supaya semua pelajar mendapat pembelajaran yang menyeluruh. Kajian ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan para pelajar terhadap penulisan karangan jenis ekspositori, tetapi turut melatih pelajar untuk mengekalkan tumpuan dan minat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu kerana diberikan kebebasan untuk mencari maklumat dan mengaitkan maklumat yang ditimba itu dengan soalan karangan ekspositori yang dipermudahkan perancangannya melalui Tiang Ekspositori.

RUJUKAN

- Dodge, B. (1995). *Some thoughts about webquests*. Retrieved from WebQuest. Org website: http://webquest.org/sdsu/about_webquests.html
- Livingston, P. (2009). *1-to-1 learning: Laptop programs that work* (2nd ed.). Washington, DC: International Society of Technology in Education.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Sawyer, R. K. (Ed.). (2014). *The Cambridge handbook of the learning sciences* (2nd ed.). New York, NY: Cambridge University Press
- Warschauer, M. (2006). *Laptops and literacy: Learning in the wireless classroom*. New York: Teachers College Press.

